

Putrajaya dicemari vandalisme

B/H 18/4/12
MS 1.

Penduduk mahu PBT ambil tindakan bendung iklan haram

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bharian.com.my

PUTRAJAYA: 'Penyakit' mengotorkan harta benda awam untuk mencari keuntungan sendiri terus berleluasa sehingga ke pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan di sini.

Itu membabitkan tindakan sesetengah individu yang memberikan perkhidmatan menukar tiub motosikal yang bocor dengan menconteng harta benda awam dengan nombor telefon mereka untuk dihubungi pelanggan.

Mereka tidak sedar bahawa tindakan itu tergolong dalam perbuatan vandalisme atau merosakkan harta benda awam dan boleh dikenakan tindakan.

Tinjauan *Sentral* mendapati antara harta awam yang menjadi sasaran semburan cat nama dan nombor telefon mereka ialah papan tanda, dinding bangunan, tiang jambat, pondok telefon, tiang lam-

pu, pokok serta kotak suis elektrik serta bahu jalan raya.

Selain itu, tiang jambat dari pusat pentadbiran ini ke Puchong turut menjadi 'mangsa' iklan haram berkenaan.

Malah, bukan saja perkhidmatan menukar tiub motosikal yang diiklankan seperti itu, beberapa perkhidmatan lain termasuk urut juga diiklankan pada harta awam.

Apa yang menghairankan, peng-



Tidak salah untuk berniaga, tetapi janganlah mementingkan keuntungan semata-mata sehingga merosakkan harta benda awam

Abdullah Sani Mohamad
Kakitangan kerajaan



PERBUATAN tidak bertanggungjawab sesetengah individu mengiklankan perkhidmatan menukar tiub motosikal dengan menconteng harta benda awam di Putrajaya mencemarkan persekitaran.

iklan terbabit seolah-olah tidak gentar dengan tindakan yang bakal dikenakan pihak berkuasa kerana melakukan kesalahan itu tanpa ragu-ragu termasuk memaparkan nombor telefon yang membolehkan mereka dikesan dengan mudah.

Kakitangan kerajaan, Abdullah Sani Mohamad, 45, berkata tindakan tidak bertanggungjawab itu mendatangkan imej negatif kepada bandar raya pentadbiran ini dan mengundang pelbagai persepsi khususnya kepada pelancong asing yang mengunjungi kawasan ini.

Abdullah berkata, pihak berku-

asa tempatan (PBT) perlu mengambil tindakan tegas membendung perbuatan pihak tidak bertanggungjawab itu kerana ia turut merugikan pihak tertentu kerana terpaksa membersihkannya.

"Tidak salah untuk berniaga, tetapi janganlah mementingkan keuntungan semata-mata sehingga merosakkan harta benda awam," katanya yang setiap hari menggunakan Jalan Putrajaya-Puchong untuk ke tempat kerja.

Peniaga, Mohd Nizam Roslan, 33, berkata tindakan pengiklan yang hanya mengejar keuntungan tanpa

menggunakan modal perlu dihentikan dengan segera kerana ia mencacatkan imej bandar kerajaan ini.

Nizam berkata, PBT wajar mengesan pemilik nombor telefon terbabit dan menghantar notis walaupun kemungkinan pemilik nombor telefon itu akan mendakwa dia tidak melakukannya sebaliknya dilakukan pihak lain.

"Mungkin dengan cara itu, ia dapat membanteras mereka daripada terus melakukan vandalisme di tempat yang salah sehingga menyakitkan mata yang memandang," katanya.